

Pelajar UPM Terima Anugerah Outstanding PhD SEARCA Scholar



Oleh: Noor Eszereen Juferi

SERDANG, 27 Ogos – Pelajar PhD dalam bidang Kejuruteraan Alam Sekitar, Fakulti Kejuruteraan, Universiti Putra Malaysia (UPM), Nor Akhlisah Zulkipli, 32, telah menerima Outstanding PhD SEARCA Scholar – Academic Achievement Award (Academic Excellence, Class of 2025), baru-baru ini.

Anugerah berprestij itu diberikan kepada penerima biasiswa yang menonjol dalam pencapaian akademik. Nor Akhlisah berjaya merekodkan lebih 10 penerbitan ilmiah, membentangkan hasil kajian di tiga persidangan antarabangsa serta meraih anugerah di peringkat kebangsaan dan antarabangsa, termasuk dalam Pertandingan Three Minute Thesis (3MT).

Beliau berkata, bidang penyelidikannya memfokuskan kepada penghasilan produk bernilai tinggi dan biofuel daripada bahan buangan seperti sisa kelapa sawit dan minyak masak terpakai.

"Kajian ini bukan sahaja membantu mengurangkan pencemaran sisa, malah menyumbang kepada pembangunan tenaga boleh diperbaharui sejajar dengan konsep ekonomi kitaran."

Hasil penyelidikan ini memberi manfaat kepada masyarakat melalui penyediaan alternatif tenaga lebih lestari, pengurangan kesan perubahan iklim serta penciptaan nilai ekonomi daripada sisa yang sebelum ini dianggap tidak berguna," katanya.

Menurutnya, pendekatan tersebut juga menyokong beberapa Matlamat Pembangunan Mampan (SDG) iaitu SDG 7 (Tenaga Bersih dan Mampu Milik), SDG 12 (Penggunaan dan Pengeluaran Bertanggungjawab), serta SDG 13 (Tindakan Terhadap Perubahan Iklim).



Selain cemerlang dalam bidang penyelidikan, beliau turut terpilih mengikuti beberapa program bertaraf antarabangsa sepanjang pengajian, termasuk Climate Change Adaptation Summer School anjuran University of Applied Sciences Cologne, Jerman (2022), Water-Food-Energy-Sustainability (WAFERS) Summer School di Universitas Gadjah Mada, Indonesia (2022), dan Asia Pacific Week di The Australian National University, Australia (2022).

"Pengalaman tersebut membuka ruang untuk terus belajar, membina jaringan, bertukar pandangan serta memperoleh perspektif baharu," ujarnya.

Terdahulu, beliau turut menerima tajaan daripada German Academic Exchange Service (DAAD) dan Southeast Asian Regional Center for Graduate Study and Research in Agriculture (SEARCA) sepanjang pengajian.

Mengulas mengenai perancangan masa hadapan, Nor Akhlisah menegaskan setiap pencapaian bukan sekadar kejayaan peribadi, sebaliknya amanah yang perlu dikembalikan kepada masyarakat.



"Ilmu yang diperoleh tidak boleh terhenti di jurnal atau seminar semata-mata, sebaliknya mesti menyentuh kehidupan sebenar dan memberi manfaat kepada alam sekitar. Kejayaan sebenar bukan diukur dengan sijil atau anugerah, tetapi apabila kajian dapat digunakan, dihargai dan memberi manfaat kepada orang lain," jelasnya.

Kini, beliau berkhidmat sebagai penyelidik di Sunway University dalam bidang Kejuruteraan Kimia dan Alam Sekitar.

Pencapaian Nor Akhlisah ini sekaligus mengangkat nama UPM di peringkat antarabangsa sebagai universiti penyelidikan yang berjaya melahirkan sarjana berdaya saing global.